



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA JABATAN ALAM SEKITAR

15 APRIL 2026 (RABU) | 2.30 PETANG

BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE (BACC)

[SALUTASI AKAN DIKEMASKINI]

PENDAHULUAN DAN SALAM SYAWAL

Selamat Petang, Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia MADANI.

1. Pertama sekali, saya menzahirkan rasa kesyukuran kerana dengan izin Nya, kita dapat berkumpul dalam satu majlis yang penuh bermakna iaitu Majlis Sambutan Hari Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Tahun 2026.
2. Memandangkan kita masih berada dalam suasana bulan Syawal yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan yang ada untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga kerja JAS. Semoga semangat kemaafan, kebersamaan dan kesyukuran ini memperkukuhkan lagi ikatan kita sebagai satu keluarga besar di bawah naungan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).
3. Tokoh pejuang hak asasi dunia, Nelson Mandela pernah mengungkapkan: "It always seems impossible until it's done." Sesuatu itu sentiasa nampak mustahil sehinggalah ia berjaya diselesaikan. Kata-kata ini sangat bertepatan dengan semangat yang kita raikan hari ini.

4. Menjaga alam sekitar dalam dunia yang mengejar pembangunan pesat dan ekonomi yang kompetitif mungkin kelihatan mustahil bagi sesetengah pihak. Namun, di tangan anda semua, wira-wira penguat kuasa, cabaran yang dianggap mustahil itu kita buktikan dapat dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan kejayaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

WIRA YANG TIDAK DIDENDANG: ANTARA AMANAH DAN PENGORBANAN

5. Berdiri saya di sini hari ini, saya bukan sekadar melihat barisan kakitangan awam yang menjalankan tugas rutin. Apabila saya memandang ke arah anda, saya melihat wajah-wajah yang memikul amanah yang sangat berat. Pakaian seragam yang anda pakai hari ini bukan sekadar identiti jabatan, ia adalah simbol harapan rakyat Malaysia terhadap kelestarian masa depan mereka.
6. Tugas anda bukan sekadar mengisi borang pemeriksaan atau mengeluarkan kompaun. Ia adalah satu pengorbanan suci demi memastikan bumi ini terus bernafas, udara kita kekal bersih, dan sungai kita terus mengalir jernih untuk generasi akan datang. Anda adalah mereka yang sanggup meredah hujan lebat, menahan terik matahari, dan sering kali menempuh risiko keselamatan yang tinggi di tapak tapak operasi yang terpencil dan berbahaya.

7. Bagi saya, anda adalah wira yang tidak didendang. Walaupun sumbangan anda mungkin jarang terpampang di dada akhbar berbanding isu-isu yang lain, namun ketahuilah bahawa setiap titik peluh yang jatuh ke bumi dan setiap komitmen yang anda curahkan adalah nadi utama mengapa Jabatan Alam Sekitar terus disegani dan dihormati. Tanpa keberanian anda di lapangan, dasar-dasar kelestarian yang kita gubal di peringkat kementerian hanya akan kekal sebagai tulisan di atas kertas tanpa jiwa.

Hadirin yang dihormati,

PENCAPAIAN PENGUATKUASAAN JAS

8. Sepanjang tahun 2025 sehingga awal 2026, saya telah memerhatikan satu anjakan paradigma yang sangat membanggakan dalam kualiti penguatkuasaan kita. Kita telah menunjukkan bahawa kita mampu bertindak tegas tanpa mengetepikan profesionalisme. Antara pencapaian bersejarah yang perlu kita banggakan termasuklah:

9. **Ketegasan Terhadap Isu E Waste:** Isu ini menjadi perhatian global. Malaysia tidak akan sesekali membiarkan tanah air ini menjadi 'tong sampah' dunia bagi sisa elektronik dari negara luar. Melalui Ops Bongkar pada Mac 2026, hasil kerjasama erat anda, kita berjaya memeriksa 213 kontena di pintu masuk negara, di

mana 103 daripadanya disahkan mengandungi e waste haram.

10. **Operasi Premis Tanpa Lesen (Ops Hazard 3.0):** Kita telah bergerak agresif menyerbu premis premis yang beroperasi di luar undang undang. Pemeriksaan ke atas 104 premis telah membawa kepada penyitaan kira kira 4,714 metrik tan e waste yang bernilai jutaan ringgit. Tindakan ini menghantar mesej yang sangat jelas bahawa kita tidak akan bertolak ansur dengan pihak yang merosakkan alam demi keuntungan peribadi.

11. **Pengawasan Kualiti Udara dan Air (Ops Gempur dan Ops Gerak):** Melalui Ops Gempur, kita memastikan industri mematuhi piawaian pelepasan sisa. Manakala melalui Ops Gerak Kebangsaan, pemeriksaan ke atas hampir 10,000 kenderaan membuktikan kita konsisten dalam memastikan kualiti udara bandar kita terpelihara daripada pencemaran asap yang tidak terkawal.

12. **Kejayaan Legislatif:** Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Fasa 2A) yang telah diluluskan di Parlimen baru baru ini adalah bukti kepercayaan Kerajaan terhadap fungsi penguatkuasaan anda. Setiap kali saya berdiri menjawab soalan di Parlimen dengan penuh keyakinan, kepercayaan itu datangnye daripada kualiti data, laporan, dan fakta tepat yang anda semua sediakan dari lapangan.

Warga JAS yang dikasihi,

HALA TUJU STRATEGIK 2026: MENUJU KECEMERLANGAN GLOBAL

13. Kita tidak boleh berpuas hati dengan apa yang ada sekarang. Dunia sentiasa berubah, dan begitu juga cabaran alam sekitar. Sebagaimana pesan Winston Churchill: "To improve is to change; to be perfect is to change often." Hala tuju kita pada tahun ini dan tahun-tahun mendatang akan bertumpu kepada tiga tonggak utama:

- I. **Pengukuhan Kapasiti Manusia:** Saya amat menyedari beban tugas yang semakin mencabar. Oleh itu, saya memberikan sokongan penuh kepada usaha penambahan jawatan penguat kuasa JAS. Saya mahu memastikan setiap anggota mempunyai sokongan pasukan yang mencukupi agar kualiti penyampaian perkhidmatan kita sentiasa berada pada tahap tertinggi.

- II. **Pemantapan Perundangan (Fasa 2B):** Kita sedang dalam fasa akhir memuktamadkan pindaan akta yang lebih menyeluruh bagi menangani isu-isu alam sekitar yang lebih kompleks. Sasaran kita adalah untuk membentangkan ini di Parlimen pada awal tahun 2027,

yang akan memberikan kuasa lebih luas kepada anda untuk bertindak.

- III. **Penerapan Teknologi Masa Depan:** Kita mesti mendahului penjenayah alam sekitar dari segi teknologi. Penggunaan dron, sensor IOT, dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam pemantauan akan kita tingkatkan. Namun, harus diingat bahawa secanggih mana pun teknologi yang kita miliki, ia hanyalah alat bantuan. Kekuatan sebenar tetap terletak pada kecekapan dan naluri manusia yang mengendalikannya.

Hadirin yang saya muliakan,

INTEGRITI: TERAS DAN PAKAIAN SEJATI PENGUAT KUASA

14. Integriti bukan sekadar nilai di atas kertas, ia adalah amanah yang terpikul di bahu kita sebagai warga penguat kuasa. Ia bukan sekadar tugas jawatan, tetapi sebuah janji setia kepada rakyat. Sedarlah bahawa integriti adalah aset yang paling bernilai; tanpa nilai ini, seragam yang kita banggakan akan hilang maruah dan bisanya.
15. Sebagai penguat kuasa, saya percaya anda sentiasa melangkah di 'zon panas' yang penuh dengan cabaran dan godaan. Justeru, saya menyeru agar setiap warga JAS

menjadikan amanah sebagai kompas dalam setiap tindakan. Menolak salah guna kuasa dan rasuah bukan sekadar kerana takutkan peraturan, tetapi kerana kita sedar akan tanggungjawab besar terhadap kedaulatan negara.

16. Saya mahu anjakan paradigma berlaku: biar masyarakat melihat JAS bukan sebagai 'polis' yang hanya mencari kesilapan, tetapi sebagai Rakan Kelestarian yang membimbing. Melalui prinsip "No Wrong Door Policy", kita buktikan bahawa JAS adalah agensi yang profesional, telus, dan mesra pelanggan. Apabila integriti menjadi darah daging kita, kepercayaan rakyat akan menyusul, sekali gus menjadikan mereka 'mata dan telinga' yang setia membantu kita di lapangan.

PENUTUP

17. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengulangi komitmen saya secara peribadi. Sebagai Menteri anda, saya akan sentiasa berdiri teguh di belakang anda semua dalam melaksanakan tugas yang murni ini. Jangan pernah berasa kerdil dalam perjuangan ini, kerana tugas anda adalah tugas yang sangat mulia.
18. Ingatlah pesanan Mahatma Gandhi: "*The earth provides enough to satisfy every man's needs, but not every man's greed.*" Bumi ini cukup untuk memenuhi keperluan setiap manusia, tetapi tidak akan pernah cukup untuk memenuhi kerakusan manusia.

Anda adalah benteng terakhir yang memastikan kerakusan itu tidak menghancurkan warisan masa depan anak anak kita.

19. Akhir kata, bertepatan dengan tema sambutan tahun ini: “Bersedia. Berdisiplin. Berani Demi Alam”. Peganglah tiga kata kunci ini dalam setiap operasi dan tugas anda.

20. Saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Tahun 2026. Semoga Tuhan sentiasa melindungi setiap langkah anda, merahmati keluarga anda, dan memberkati segala usaha murni kita untuk negara.

Sekian dan terima kasih.